



31 Disember 2018  
31 December 2018  
P.U. (A) 394

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN)  
(NO. 7) 2016 (PINDAAN) 2018

*INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 7) 2016  
(AMENDMENT) ORDER 2018*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 7) 2016 (PINDAAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 2016 (Pindaan) 2018**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 16 Oktober 2017.

**Pindaan perenggan 3**

2. Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 2016 [*P.U. (A) 160/2016*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini dipinda dalam perenggan 3 dengan memasukkan selepas subperenggan 3(1) subperenggan yang berikut:

“(1A) Orang yang layak yang disebut dalam Perintah ini hendaklah memenuhi kehendak yang berikut:

(a) mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa di Wilayah Ekonomi Pantai Timur bagi menjalankan aktiviti khas yang layak sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2; dan

(b) melakukan perbelanjaan operasi tahunan bagi menjalankan aktiviti khas yang layak atau pelaburan dalam harta tetap di Wilayah Ekonomi Pantai Timur bagi menjalankan aktiviti khas yang layak sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2.”.

### **Pindaan perenggan 5**

3. Perenggan 5 Perintah ibu dipinda—

(a) dalam subperenggan (1) dengan menggantikan perkataan “Menteri” perkataan “Tertakluk kepada perenggan ini dan perenggan 5A dan 6, Menteri”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperenggan (4) subperenggan yang berikut:

“(4A) Tertakluk kepada subperenggan (4B), jika orang yang layak telah diberikan pengecualian di bawah subperenggan (1) pada atau sebelum 16 Oktober 2017, kehendak yang disebut dalam subperenggan 3(1A) hendaklah tidak terpakai bagi orang yang layak itu sehingga 30 Jun 2021.

(4B) Jika orang yang layak menjalankan suatu aktiviti khas yang layak yang baharu selepas 16 Oktober 2017, subperenggan (4A) hendaklah tidak terpakai dan orang yang layak itu hendaklah diberikan pengecualian di bawah subperenggan (1) berhubungan dengan aktiviti khas yang layak yang baharu itu sehingga 31 Disember 2018.

(4C) Jika orang yang layak telah diberikan pengecualian di bawah subperenggan (1) selepas 16 Oktober 2017, kehendak yang disebut dalam subperenggan 3(1A) hendaklah tidak terpakai bagi orang yang layak itu sehingga 31 Disember 2018.”.

### **Perenggan baharu 5A**

4. Perintah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 5 perenggan yang berikut:

**“Pendapatan harta intelek yang tidak diambil kira**

5A. (1) Dalam menentukan pendapatan berkanun suatu orang yang layak yang disebut dalam subperenggan 5(1), pendapatan harta intelek yang berikut yang diperoleh daripada suatu aktiviti khas yang layak yang disediakan oleh orang yang layak hendaklah tidak diambil kira:

(a) royalti dan pendapatan lain yang diperoleh pada atau selepas 1 Julai 2018 tetapi sebelum 1 Julai 2021, daripada hak harta intelek yang baharu yang dimiliki oleh orang yang layak; dan

(b) royalti dan pendapatan lain yang diperoleh pada atau selepas 1 Julai 2021 daripada semua hak harta intelek yang dimiliki oleh orang yang layak.

(2) Bagi maksud subperenggan (1)—

(a) orang yang layak memiliki hak harta intelek jika orang yang layak itu adalah pemilik atau pemegang lesen hak itu;

(b) royalti atau pendapatan lain adalah diperoleh daripada hak harta intelek jika ianya diterima sebagai balasan bagi pengeksploitasian secara komersial hak tersebut.

(c) “hak harta intelek” ertinya suatu hak yang timbul daripada paten, inovasi dan penemuan utiliti, hak cipta, cap dagangan dan cap perkhidmatan, reka bentuk industri, reka bentuk susun atur litar bersepadu, proses atau formula dan pengetahuan rahsia, petunjuk geografi dan pemberian perlindungan suatu varieti tumbuhan dan hak-hak lain yang serupa, sama ada berdaftar atau boleh daftar;

(d) “hak harta intelek yang baharu” ertinya hak harta intelek yang berkaitan dengan aktiviti khas yang layak orang yang layak yang—

(i) menjadi pemilikan orang yang layak pada atau selepas 1 Julai 2018; atau

(ii) menjadi pemilikan orang yang layak selepas 16 Oktober 2017 tetapi sebelum 1 Julai 2018 akibat daripada perolehan oleh orang yang layak, secara langsung atau tidak langsung, daripada syarikat berkaitan; dan

(e) “syarikat berkaitan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*].

(3) Apa-apa pendapatan harta intelek yang tidak diambil kira dalam subperenggan (1) adalah tertakluk kepada cukai di bawah Akta.”.

### **Pindaan Jadual**

5. Jadual kepada Perintah ibu dipinda—

(a) dengan menomborkan semula Jadual sedia ada sebagai Jadual 1;

(b) dalam Jadual 1 yang dinomborkan semula—

(i) berhubung dengan butiran 3, dalam ruang (2), dengan menggantikan perkataan “Maklumat, komunikasi dan teknologi” dengan perkataan “Perkhidmatan berkaitan maklumat, komunikasi dan teknologi”; dan

(ii) dengan memotong butiran 11 dan butir-butir yang berhubungan dengannya; dan

(c) dengan memasukkan selepas Jadual 1 yang dinomborkan semula Jadual yang berikut:

“JADUAL 2

(1) No.	(2) Tahun-tahun taksiran yang dikecualikan	(3) Kadar pengecualian (%)	(4) Jenis keluaran atau aktiviti khas yang layak	(5) Amaun minimum perbelanjaan operasi tahunan (RM)	(6) Bilangan minimum pekerja sepenuh masa
1.	10	70	Keluaran atau aktiviti khas yang layak yang baharu di Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang digalakkan untuk manfaat Wilayah Ekonomi Pantai Timur	1,000,000.00	4
2.	10	100	1. Keluaran atau aktiviti khas yang layak yang baharu di Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang digalakkan untuk manfaat Wilayah Ekonomi Pantai Timur; atau	2,000,000.00	10

(1) No.	(2) Tahun-tahun taksiran yang dikecualikan	(3) Kadar pengecualian (%)	(4) Jenis keluaran atau aktiviti khas yang layak	(5) Amaun minimum perbelanjaan operasi tahunan (RM)	(6) Bilangan minimum pekerja sepenuh masa
			2. Keluaran berteknologi tinggi tanpa aktiviti penyelidikan dan pembangunan		
3.	15	100	Projek yang terletak di Taman Industri Kuantan Malaysia-China	200,000,000.00	100
			Projek yang terletak di taman perindustrian dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur	1,000,000.00	10".

Dibuat 31 Disember 2018

[PERB.0.3865/73(SJ.133)(SK.22)LHDN.AY.A.600-12/1/7(26)-2; PN(PU2)80/XCII]

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI DR. WAN ISMAIL  
*Timbalan Perdana Menteri*  
*yang menjalankan fungsi-fungsi Menteri Kewangan*

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4)  
 Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 7) 2016 (AMENDMENT) ORDER 2018

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 7) 2016 (Amendment) Order 2018**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 16 October 2017.

**Amendment of paragraph 3**

2. The Income Tax (Exemption) (No. 7) Order 2016 [P.U. (A) 160/2016], which is referred to as the “principal Order” in this Order, is amended in paragraph 3 by inserting after subparagraph 3(1) the following paragraph:

“(1A) The qualifying person referred to in this Order shall fulfill the following requirements:

(a) has a number of full time employees in East Coast Economic Region to carry on the special qualifying activity as specified in Schedule 2; and

(b) incurs an annual operating expenditure to carry on the special qualifying activity or an investment in fixed asset in East Coast Economic Region to carry on the special qualifying activity as specified in Schedule 2.”.

**Amendment of paragraph 5**

3. Paragraph 5 of the principal Order is amended—

(a) in subparagraph (1) by substituting for the words “The Minister” the words “Subject to this paragraph and paragraphs 5A and 6, the Minister”;  
and

(b) by inserting after subparagraph (4) the following subparagraphs:

“(4A) Subject to subparagraph (4B), where a qualifying person has been granted an exemption under subparagraph (1) on or before 16 October 2017, the requirements referred to in subparagraph 3(1A) shall not apply to that qualifying person until 30 June 2021.

(4B) Where a qualifying person carries on a new special qualifying activity after 16 October 2017, subparagraph (2A) shall not apply and the qualifying person shall be granted an exemption under subparagraph (1) in relation to that new qualifying activity until 31 December 2018.

(4C) Where a qualifying person has been granted an exemption under subparagraph (1) after 16 October 2017, the requirements referred to in subparagraph 3(1A) shall not apply to that qualifying person until 31 December 2018.”.

#### **New paragraph 5A**

4. The principal Order is amended by inserting after paragraph 5 the following paragraph:

#### **“Exclusion of intellectual property income**

5A. (1) In ascertaining the statutory income of a qualifying person referred to in subparagraph 3(1), the following intellectual property income derived from a special qualifying activity of the qualifying person shall be excluded:



(ii) comes into the ownership of the qualifying person after 16 October 2017 but before 1 July 2018 as a result of an acquisition by the qualifying person, directly or indirectly, from a related company; and

(e) “related company” has the same meaning assigned to it in section 2 of the Promotion of Investments Act 1986 [Act 327].

(3) Any intellectual property income excluded in subparagraph (1) is subject to tax under the Act.”.

#### **Amendment of Schedule**

5. Schedule to the principal Order is amended—

(a) by renumbering the existing Schedule as Schedule 1;

(b) in the renumbered Schedule 1—

(i) in relation to item 3, in column (2), by substituting for the words “Information, communication and technology” the words “Information, communication and technology related services”; and

(ii) by deleting item 11 and the particulars relating to it; and

(c) by inserting after the renumbered Schedule 1 the following Schedule:

## "SCHEDULE 2

(1) No.	(2) Exempt years of assessment	(3) Exemption rate (%)	(4) Types of product or special qualifying activity	(5) Minimum amount of annual operating expenditure (RM)	(6) Minimum number of full time employees
1.	10	70	New product or special qualifying activity in East Coast Economic Region which is promoted for the benefit of East Coast Economic Region	1,000,000.00	4
2.	10	100	1. New product or special qualifying activity in East Coast Economic Region which is promoted for the benefit of East Coast Economic Region; or	2,000,000.00	10

(1) No.	(2) Exempt years of assessment	(3) Exemption rate (%)	(4) Types of product or special qualifying activity	(5) Minimum amount of annual operating expenditure (RM)	(6) Minimum number of full time employees
			2. High technology product without research and development activity		
3.	15	100	Project located in Malaysia-China Kuantan Industrial Park	200,000,000.00	100
			Project located in industrial park within the East Coast Economic Region	1,000,000.00	10".

Made 31 December 2018

[PERB.0.3865/73(SJ).133](SK.22)LHDN.AY.A.600-12/1/7(26)-2; PN(PU2)80]

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI DR. WAN ISMAIL  
*Deputy Prime Minister*  
*exercising the functions of Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]*